

Keratan Akbar

(Bahagian Canselor)

Surat Khabar: Utusan Sarawak
Hari/Tarikh: 19/11/16
Muka Surat: 12

Tajuk: Kembar terima ijazah

Kembar terima ijazah

.....
ADI SAFARMAN

KUCHING: Konvensyen UNIMAS Ke-20 baru-baru ini memberi makna besar buat pasangan kembar berasal dari Kabong apabila dapat menggenggam ijazah Sarjana Muda (kepujian) serentak pada waktu sama.

Pasangan itu, Effa Radika Bidin dan Ekka Rafisa Bidin berusia 22 tahun, kini graduan Ijazah Sarjana Muda Kimia Sumber dan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Pengurusan Sumber Haiwan dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) antara yang menerima ijazah mereka dalam Majlis Konvokesyen Ke-20 UNIMAS di Arena Gemilang DeTAR Putra di sini.

Kegembiraan jelas terpancar bagi pasangan kembar apabila berjaya meraih ijazah bersama-sama meskipun mengikuti jurusan berlainan di UNIMAS.

Pasangan kembar tersebut menyifatkan majlis konvokesyen tersebut sebagai hari paling bahagia untuk mereka selepas belajar bersama-sama sejak sekolah rendah, menengah, matikulasi hingga tamat pengajian universiti.

Berasal dari Kampung Hulu

Tengah Kabong, pasangan kembar ini melihat kejayaan mereka adalah hasil berkat doa dari keluarga terutamanya ibu bapa, Bidin Mat dan Napiah@Cheng Lekar serta rakan-rakan dan Pensyarah UNIMAS adalah inspirasi dan pendorong mereka untuk berjaya.

Effa berkata, mereka tidak pernah berpisah sejak kecil sehingga pengajian di universiti dan walaupun mengambil jurusan berlainan tetapi tetap meluangkan masa untuk belajar dan membuat tugas bersama-sama.

Menurutnya, perjalanan untuk menggenggam ijazah sarjana tersebut bukan mudah tetapi disebabkan mereka mempunyai 'rakan karib' yang turut melalui perkara sama, perkara itu seolah-olah menjadikan pendorong kepada kejayaan tersebut.

"Sejak kecil lagi, banyak perkara yang dilakukan bersama kerana minat kami juga sama. Apabila salah seorang mahu melanjutkan pengajian ke universiti, seorang lagi pasti akan mempunyai perancangan yang serupa sekali gus membantu memudahkan proses pembelajaran kami," katanya anak kedua daripada empat beradik.

Effa berkata, seperti adik-beradik lain, pastinya sering berlaku persaingan antara mereka.

"Adalah suatu yang normal apabila kami sering bersaing namun kami jadikannya sebagai suatu perkara positif dan mahu mencapai kejayaan ini serentak," ujarnya.

Pasangan kembar itu turut memasang cita-cita untuk mengejar ijazah doktor falsafah (Ph.D) bersama-sama jika ada rezeki dan peluang.

Bercerita semasa menuntut di UNIMAS, pasangan kembar ini aktif menyertai kegiatan aktiviti Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA).

"Kami berdua juga aktif menyertai Usrah dibawah aktiviti yang dianjurkan (PEMBINA) UNIMAS.

"Dengan menyertai Usrah tersebut, bukanlah alasan untuk kami berdua beradik mengabaikan pelajaran dan akademik, namun kami juga perlu menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti lain seperti riadah," ujar beliau.

Sementara itu, seramai 4,275 graduan menerima pengiktirafan bagi ijazah doktor falsafah (PhD), ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda dalam majlis konvokesyen UNIMAS Ke-20 diadakan itu.



KEMBAR... Ibu bapa pasangan kembar ini tidak ketinggalan turut serta menyaksikan anak mereka menerima ijazah.



AKSI ISTIMEWA... Effa Radika (kanan) dan Ekka Rafisa (kiri) melakukan 'aksi' istimewa semasa majlis konvokesyen UNIMAS baru-baru ini.